

29/06/1997

Penduduk Tripoli meriah dalam kesempitan

Noreha Md Ripen

SINGGAH di Amsterdam, selepas itu di Geneva dan kemudian mendarat pula di Tunis sebelum tiba di lapangan terbang koboi, Djerba, sebuah bandar di sempadan Tunis-Libya. Selepas itu baru meneruskan perjalanan sejauh 290 kilometer ke Tripoli, Libya.

Bunyi menarik tetapi hanya untuk mereka yang sukakan kembara lasak, serba ringkas, bawa beg sandang dengan sehelai dua baju untuk mudah serta pantas bergerak. Ketika itu, turun naik pesawat bukan lagi nikmat. Apa lagi kalau bertukar pesawat tiga kali dan berbelas-belas jam di udara. Pemandangan yang ada pula cuma awan.

Namun, hati lega apabila tiba di persinggahan terakhir, Djerba. Ketika itu jam 6 petang. Cuaca teduh dan perjalanan ke Tripoli nampaknya lebih menarik kerana banyak benda yang mahu dipandang. Hati semakin ghairah untuk meninjau dan membongkar misteri Libya - padang pasir, oasis, pokok zaitun, sistem politiknya, kepemimpinan revolusi atau Kol Muammar Gaddafi yang diberitakan duduk dalam khemah Badwi sejak rumahnya diserang tentera Amerika Syarikat.

Djerba menurut lelaki Itali yang duduk di sebelah saya dalam penerbangan Tunis ke Djerba, adalah sebuah bandar peranginan. Bisiknya lagi: "Ada pantai bogel."

Wah! Patutlah ramai pelancong Eropah. Rupa-rupanya ada rahsia di Djerba. Van meluncur laju, agaknya dalam 180 kilometer sejam. Orang Arab bawa kereta cukup ganas - betul sekali kata teman di Malaysia, supaya jangan beli kereta terpakai di negara Arab.

Melintasi pekan kecil di Tunisia, mula terasa kelainannya. Pintu warna biru laut kontra dengan dinding rumah berbatu putih. Tanah datar pasir berkerikil dihiasi tompok-tompok rumpun renek yang kelam diselimuti debu pasir keemasan. Kerana kebiasaan dengan pelbagai warna yang menghiasi kota Kuala Lumpur, pekan kecil Tunisia atau Libya memberikan kelainan paling terasa - rata-rata kediaman, rumah kedai dan bangunan berwarna suram, paling terang warna biru, hijau atau merah bata, itu pun warna garang untuk tingkat atau pintu saja.

Jika melintasi pekan kecil Tunis dan Libya, pemandangan biasanya, kedai berpintu biru tempat pemuda berborak-borak senang, cukup relaks nampaknya duduk di meja sambil meneguk cola pada petang hari, sambil mata melirik ke kereta yang lalu-lalang menuju ke Tripoli. Semakin menghampiri sempadan Libya, semakin kuat bau minyaknya. Tong minyak bertindan-tindan dan banyak kali kami tersergah lambaian tangan-tangan yang mengibarkan mata wang dinar di tepi jalan berhabuk yang dipagari ladang pokok zaitun.

Pertukaran mata wang dinar dengan dolar Amerika di pasaran gelap menguntungkan berbanding kadar pertukaran rasmi. Tetapi hati-hati jangan sampai tertangkap kerana ejen kerajaan bijak mengintip dan cukup nasionalis untuk bertindak terhadap sesiapa saja yang silap percaturan.

Hari sudah gelap. Kerana keletihan kebanyakan delegasi terlentok di sandaran. Dalam lena kami, tiba-tiba kedengaran jeritan 'Tripoli! Tripoli!'. Kami menggesek mata, menjenguk, hanya untuk melihat pekan kecil yang diigaukan kawan serombongan sebagai Tripoli.

Ternyata 30 jam perjalanan tidak sia-sia kerana sentuhan pekan oasis dan padang pasir cukup menambat hati. Empat jam menaiki van di jalan bertar cukup selesa. Benar juga kata ketua delegasi, Datuk Nadzri Tan Sri Aziz, ketika bertemu Setiausaha Agung Hal Ehwal Luar Kongres Rakyat, Dr Salem I Salem, bahawa 'Amerika sebenarnya beri satu kebaikan kepada Libya, jika

tidak kerana sekatannya, kami tidak dapat melihat perkampungan dan pekan kecil Libya'.

Mengenali dasar kepemimpinan Malaysia yang diterajui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sentiasa mengambil pendekatan konstruktif dalam apa bentuk `negativity', kenyataan Nazri itu bukan pelik, malah membayangkan kesinambungan warisan daya fikir yang bakal menetapkan haluan dan agenda negara untuk menghadapi alaf depan.

Kalau pun itu bercanggah dengan daya fikir sahabat Libya kita. Mungkin keadaan menjadikan mereka cukup mual dengan kerenah Amerika. Dr Salem berkata: "Mungkin Amerika menghukum Malaysia atau mana-mana saja negara yang mahu bersahabat dengan Libya. Dipaksa membuat perjalanan jauh sedangkan penerbangan terus ke Tripoli lebih mudah dan cepat jika tanpa sekatan."

Kita, orang Malaysia, dan ramai lagi orang Islam boleh faham kenapa warga Libya sakit hati. Negara mereka boleh maju, moden dan ternama, jika tidak kerana Amerika terus menindas mereka.

Libya sebenarnya menawarkan keunikan kota padang pasir dengan sejarah beratus ribu tahun, tinggalan kerajaan Rome, Greek, dalam bentuk kota lama yang masih tegap kalau pun sudah dimamah usia. Malangnya, kesempatan tiada untuk menjengah kota lama atau menjengah ke padang pasir. Terkilan juga. Niat di hati mahu tidur di bawah khemah badwi sambil merenung bintang di langit dan merasa tamparan dingin angin padang pasir atau melihat lambaian pohon kurma memagari oasis, unta serta bertemu gadis dan teruna Badwi.

Nasib baik ada Muzium Tripoli, dapat juga melihat khazanah sejarahnya - dari pemerintahan Roman kepada Vandal hingga ke Byzantine, kota runtuh Sabrata.

Terubat juga hati dapat melihat model dan patung marmar ukiran berzaman-zaman. Gagah dan besar patung membayangkan gagah bangsa Roman dan Greek ketika menjajah Libya.

Muzium itu adalah kota lama yang diubah suai. Letaknya di tepi Laut Mediterranean. Kota kubu yang membayangkan Tripoli mempunyai sejarah cukup berwarna-warni. Tripoli, kota meriah ini, boleh hidup walaupun dihimpit sekatan Barat.

(END)